

Usim terima pengiktirafan autonomi

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mengukir sejarah tersendiri cukup membanggakan bagi jendela 2015 apabila dianugerahkan status autonomi oleh Kementerian Pendidikan, semalam.

Penganugerahan itu sekali gus menjadikan Usim sebaris antara 12 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) setakat ini yang mempunyai status berkenaan.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin

bagaimanapun berkata, autonomi diterima merupakan satu amanah.

"Universiti harus lebih peka dan berusaha keras berikutan pihak kementerian akan sentiasa memantau bagi memastikan kita kekal memenuhi kriteria ditetapkan.

"Oleh itu, semua kakitangan Usim di pelbagai peringkat perlu memberi perhatian kepada autonomi ini kerana banyak faedah bakal dinikmati oleh universiti apabila ia membuahkkan hasil," katanya.